



PERMAINAN boiling antara aktiviti disediakan bagi menghiburkan tetamu yang hadir.

68 anak yatim dirai

BUKIT JALIL: Seramai 68 anak yatim dari tiga rumah kebajikan yang mendaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) di sekitar Lembah Klang diraikan pada majlis Aidilfitri di Bukit Jalil Golf & Country Resort (BJGCR) di sini, baru-baru ini.

Mereka memabitkan 18 anak yatim dari Rumah Anak Yatim Shifa, 25 anak yatim dari Perubuhan Rahema Darul Fakir Malaysia dan 25 lagi dari Pusat Kebajikan Teratak Nur Insan-Pusat Jagaan NURI.

Pada majlis berkenaan, mereka diraikan dengan permainan boiling di samping pelbagai aktiviti disediakan seperti persembahan silap mata dan persembahan dari anak yatim bagi menghibur-

kan tetamu yang hadir.

Lebih daripada 80 jenis makanan dari pelbagai cita rasa 'Ala Kampung' di Sri Bayu Restoran turut disediakan. Ia ditaja ahli BJGCR dan Ahli Jawatankuasa BJGCR 2010/2011.

Eksekutif Perhubungan Awam BJGCR, Evelyn Audrey Lee, berkata majlis amal berkenaan adalah acara tahunan anjuran BJGCR bagi mengumpul bantuan dan sokongan kepada mereka yang kurang bernasib baik.

"Program amal ini adalah salah satu aktiviti sosial kemasyarakatan yang ditanamkan ke dalam jiwa setiap kakitangan BJGCR. Pada tahun ini, kami ingin berkongsi kegembiraan sambutan perayaan ini bersama anak yatim dengan penuh keceriaan," katanya.

